



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**DRON BERTEKNOLOGI TINGGI MAMPU BANTU MANGSA BANJIR BAGI USAHA
PEMULIHAN DAN PENGHANTARAN BEKALAN KRITIKAL**

PUTRAJAYA, 21 DISEMBER 2021 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Teknologi Park Malaysia (TPM) bersedia membantu usaha kritikal bantuan banjir di kawasan terjejas dengan kerjasama beberapa syarikat teknologi dron. Pasukan Tindakan Kecemasan Khas Perkhidmatan Dron (PTK2Dron) telah ditubuhkan oleh MOSTI dengan TPM sebagai agensi penyelaras.

Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "Perkhidmatan dron akan memudahcara akses kepada visual dari udara (*aerial view*) untuk membantu agensi berkaitan menilai keadaan semasa dengan lebih tepat di kawasan terjejas banjir. Ini membolehkan pihak terbabit menyampaikan perkhidmatan kecemasan kepada mangsa banjir yang terkandas dan tiada akses kepada rangkaian komunikasi. Dron berteknologi tinggi ini juga dapat melakukan penghantaran bekalan asas khususnya ubat dan makanan, terutamanya di kawasan yang sukar dicapai".

Untuk makluman, TPM bekerjasama dengan syarikat dron VStream, Alphaswift Industries, Aerodyne Group, Meraque Services dan Geo Precision Tech dengan sokongan Persatuan Aktivis Dron Tanpa Pemandu Malaysia (MUDAS) untuk menyediakan perkhidmatan ini.

Sementara itu, menurut Kamarul A Mohamed, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Aerodyne Group. Syarikat Aerodyne Group baru-baru ini telah diminta oleh kerajaan negeri Selangor untuk memberi bantuan banjir di negeri Selangor menggunakan dron, "Kami membantu mengerahkan dron taktikal bagi mendapatkan maklumat penting seperti arah aliran air, mengesan mangsa yang masih terperangkap serta kaedah terbaik bagi pelaksanaan operasi menyelamatkan di beberapa kawasan yang teruk dilanda banjir. Operasi ini termasuk mengenal pasti punca air banjir lambat surut di beberapa kawasan yang disebabkan oleh saluran yang terhalang".

Buat masa ini, beberapa lokasi Selangor dengan kawasan seluas lebih 500 hektar telah dipantau melalui pengaktifan penggunaan dron dengan kemampuan tinjauan dan pengangkutan bekalan kecemasan.

Sementara itu, bagi Razali Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif, Meraque, Meraque bersama Pharmaniaga bekerjasama menghulurkan bantuan dalam penghantaran ubat-ubatan atau barangan kritikal. Baru-baru ini, bukti konsep (*proof of concept*) telah dilaksanakan bagi penghantaran bekalan perubatan dari pinggir negeri Perak ke Pulau Pangkor untuk rawatan perubatan kecemasan dan kini bersedia untuk penghantaran bekalan penting di kawasan yang terjejas oleh banjir.



"Kami ingin menyokong petugas barisan hadapan dalam kerja-kerja menyelamatkan dan bantuan kecemasan menggunakan teknologi dron. Melalui PTK2Dron, kami memudahcara proses diantara pengendali dan penyedia perkhidmatan dron dengan pihak berkuasa berkaitan dalam operasi bantuan, penyelamatan dan pemulihan - serta memastikan taraf keselamatan dan teknikal dicapai," kata Dzuleira Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif, TPM selaku agensi yang dilantik sebagai penyelarasan utama agensi MOSTI untuk usaha ini.

MOSTI bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Pengurusan Bantuan Bencana Negara (NADMA), serta dibantu oleh Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC), ahli-ahli Sekretariat Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

Melalui PTK2Dron, hampir 20 buah dron bersedia untuk diaktifkan untuk tujuan tinjauan dan penghantaran bekalan penting dengan kemampuan muatan sehingga 10 kilogram untuk setiap penghantaran jika mendapat kelulusan pihak berkuasa.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
21 DISEMBER 2021